

## Operasi pembenihan awan masih diperlukan di Empangan Teluk Bahang - PBAPP

07/10/2020 04:56 PM



Datuk Jaseni Maidinsa

GEORGE TOWN, 7 Okt -- Operasi pembenihan awan masih perlu dilakukan di Empangan Teluk Bahang walaupun kapasiti efektif empangan itu meningkat kepada 22.8 peratus hari ini berbanding 16 peratus bulan lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) Datuk Jaseni Maidinsa berkata ini kerana kapasiti efektif empangan berkenaan perlu mencapai 45 peratus pada 31 Dis ini sebagai persediaan untuk musim kemarau di negeri ini yang dijangka bermula Januari 2021.

“Bagaimanapun, keadaan ini belum keluar daripada zon bahaya, sebaliknya memerlukan lebih banyak hujan dan pembenihan awan untuk mengisi semula empangan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Jaseni berkata semasa pertemuan dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) di Putrajaya 24 Sept lepas, kerajaan negeri Pulau Pinang telah memohon agar kementerian dapat berhubung dengan Jabatan Meteorologi Malaysia untuk mempercepat baki lapan operasi pembenihan awan yang menyasarkan kawasan tadahan air di Empangan Teluk Bahang.

“Oleh itu, operasi ini adalah kritikal yang mesti dilakukan sebelum 31 Dis untuk mengisi semula empangan dengan air hujan sebanyak mungkin, justeru, pengguna di kawasan bekalan empangan ini disarankan untuk menggunakan air secara berhemat,” katanya.

Mengenai peningkatan kapasiti air di Empangan Teluk Bahang, Jaseni berkata ia disebabkan kejayaan pelaksanaan projek kontingensi air mentah Sungai Pinang oleh PBAPP sejak 10 Sept lepas.

“Hasil projek kontingensi ini, Empangan Teluk Bahang diisi semula dengan air mentah dari Kawasan Tadahan Air Teluk Bahang dan Kawasan Tadahan Air Sungai Pinang. Walaupun begitu, PBAPP amat bimbang dengan kapasiti efektif empangan itu yang sangat rendah,” katanya.